



**POLISI ANTIRASUAH**

**KEMENTERIAN  
DALAM NEGERI**

**Unit Integriti  
Kementerian  
Dalam Negeri**

# **PERUTUSAN**

**DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ**  
**KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kerana atas limpah kurnia serta keizinanNya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah berjaya menerbitkan naskah **Polisi Antirasuah KDN**. Ini merupakan salah satu usaha KDN untuk menangani isu berkaitan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan di samping menjadi sumber rujukan mengenai jenayah rasuah serta mekanisme pelaporan dan pencegahan.

Polisi ini dibangunkan selaras dengan keperluan MS ISO 37001:2006 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS). Pelaksanaan sistem ini juga adalah selaras dengan Inisiatif 2.1.1: Mewujudkan pensijilan ABMS ke atas prosedur kerja yang sensitif dan berkepentingan seperti yang terkandung dalam Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024.

Akhir sekali, saya berharap warga KDN dapat memahami dan menjadikan Polisi Antirasuah KDN ini sebagai panduan utama dalam memerangi jenayah perlakuan rasuah.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**  
**Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri**

Tarikh: 12 Oktober 2021

## **KANDUNGAN**

1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Takrifan	1
4.	Pernyataan Polisi Antirasuah	2
5.	Perlakuan Berunsur dan Berpotensi Rasuah	3
6.	Kesalahan-kesalahan Rasuah	4
7.	Undang-undang dan Peraturan Lain yang Berkuatkuasa	10
8.	Peranan dan Tindakan Warga KDN	11
9.	Perlindungan Pemberi Maklumat	12
10.	Pengiktirafan kepada Warga KDN	12
11.	Pertanyaan dan Pelaporan	13
12.	Pemakaian	13
13.	Tarikh Kuatkuasa	14
14.	Penutup	14
15.	Aku Janji Polisi	15
16.	Rujukan	16

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Polisi Antirasuah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan. Polisi ini juga merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha sedia ada KDN dalam mengatasi kelemahan governans dan pelanggaran integriti.
- 1.2 Menurut *Public Service Corruption Ranking* (PSCR) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2019 menarafkan KDN sebagai Kementerian berisiko tinggi.
- 1.3 Justeru, Polisi Antirasuah KDN ini diwujudkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di KDN.

## **2. TUJUAN**

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.

## **3. TAKRIFAN**

### **Rasuah**

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau

menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

### **Suapan**

Suapan merujuk kepada tafsiran ‘suapan’ di bawah Seksyen 3, Akta 694.

### **Warga KDN**

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KDN sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga KDN juga termasuk Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik selaras dengan Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018.

## **4. PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH**

KDN mensasarkan “Tiada Toleransi Terhadap Rasuah” (*Zero Tolerance for Corruption*) di dalam menyediakan perkhidmatan di Malaysia. Bagi merealisasikan sasaran tersebut, KDN memberikan penekanan kepada empat (4) terma rujukan berikut:

### **4.1 Dasar, Perundangan dan Peraturan**

- i. Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.

- ii. Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan governans dan pelanggaran integriti.

#### **4.2 Sistem dan Prosedur Kerja**

Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

#### **4.3 Pengukuhan Governans dan Integriti**

Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkuatkan governans dalam penyampaian perkhidmatan.

#### **4.4 Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan**

- i. Memperkasa dan menyebarluaskan mekanisme pelaporan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- ii. Memastikan pematuhan kepada peraturan, mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan.

### **5. PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH**

#### **5.1 *Transactive***

Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (*win-win situation*).

### **5.2 *Extortive***

Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.

### **5.3 *Defensive***

Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan.

### **5.4 *Investive***

Bayaran untuk menjamin balasan/habuan pada masa hadapan.

### **5.5 *Nepotisme***

Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi/saudara (keluarga)/sekutu.

### **5.6 *Autogenic***

Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.

### **5.7 *Supportive***

Penempatan proksi/kroni di tempat strategik (*hotspot*) dalam organisasi.

## **6. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH**

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta 694 adalah seperti berikut:

## **6.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694**

- 6.1.1 Mana-mana orang secara rasuah **meminta** atau **menerima** atau **bersetuju untuk menerima** bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau
- 6.1.2 Mana-mana orang secara rasuah **memberikan**, **menjanjikan** atau **menawarkan** kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

## **6.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694**

- 6.2.1 Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah **menyetuju terima** atau **memperoleh** daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau
- 6.2.2 Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan** atau **bersetuju untuk memberikan** atau **menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-

mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

### **6.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694**

Mana-mana orang yang **memberi** seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen **menggunakan**, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, **apa-apa resit, akaun atau dokumen lain** yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi **apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan**, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

### **6.4 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694**

Mana-mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, **meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.**

## **6.5 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694**

Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan atau kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

## **6.6 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694**

6.6.1 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i. **dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan**
- ii. **didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.**

6.6.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i. **dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan**
- ii. **didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.**

**6.7 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694**

- 6.7.1 Mana-mana orang yang **diberi, dijanjikan, atau ditawarkan** suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.
- 6.7.2 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
- i. **didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit;**  
atau
  - ii. **dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.**
- 6.7.3 Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah **diminta atau diperoleh** atau **suatu cubaan dibuat** untuk memperoleh suapan itu, hendaklah **melaporkan** permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

- 6.7.4 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
- i. **didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit;**  
atau
  - ii. **dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.**

**6.8 Kesalahan menerima barang berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Mana-mana pegawai awam yang **menerima** atau **memperoleh**, atau **setuju untuk menerima** atau **cuba untuk memperoleh** untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barang berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama **tempoh tidak melebihi dua tahun** atau **denda atau kedua-duanya sekali.**

## **6.9 Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

## **7. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA**

7.1 Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

### **Seksyen 3, Akta 694:**

- a. mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;
- b. kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
- c. kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- d. sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- e. sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama

ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

- 7.2 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- 7.3 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.
- 7.4 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia).

## **8. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KDN**

- 8.1 Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga KDN hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

### **JANGAN MINTA**

Warga KDN dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

### **TOLAK**

Warga KDN hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

## LAPOR

Warga KDN hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan; atau Unit Integriti KDN atau SPRM.

- 8.2 Warga KDN boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:
- i. Siapakah (*who*) yang terlibat?
  - ii. Bilakah (*when*) kejadian berlaku?
  - iii. Dimanakah (*where*) kejadian berlaku?
  - iv. Apakah (*what*) kesalahan yang berlaku?
  - v. Kenapakah (*why*) kesalahan berlaku?
  - vi. Bagaimanakah (*how*) kesalahan berlaku?
  - vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

## 9. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Di bawah Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat KDN, apa-apa pendedahan yang diterima oleh Pegawai Penerima Maklumat termasuk **maklumat** dan **identiti pemberi maklumat** adalah **rahsia** antara Pegawai Penerima Maklumat dengan pemberi maklumat, serta mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.

## 10. PENGIKTIRAFAN KEPADA WARGA KDN

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri boleh diberikan kepada

mana-mana warga KDN yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara rujukan SPRM/BKP:20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011.

## **11. PERTANYAAN DAN PELAPORAN**

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut:

- i. **Sistem Aduan Integriti KDN** iaitu <https://online.moha.gov.my/integriti/public/formaduan.php>; atau
- ii. **Menghadirkan diri di Pejabat Unit Integriti KDN** atau menulis surat ke alamat:

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri  
Aras 6, Blok D9, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 Putrajaya  
(u.p. : Ketua Unit Integriti); atau**

- iii. **Melalui telefon di talian 03-8885 2845 (Unit Aduan, UI KDN).**

## **12. PEMAKAIAN**

- 12.1 Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan strategik atau mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga KDN.

12.2 Tertakluk kepada penerimaan keseluruhannya oleh jabatan dan agensi masing-masing, pemakaian Polisi Antirasuah KDN ini dipanjangkan kepada semua jabatan dan agensi di bawah KDN.

### **13. TARIKH KUATKUASA**

Polisi Antirasuah KDN ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangan oleh Ketua Setiausaha KDN.

### **14. PENUTUP**

Dengan wujudnya Polisi Antirasuah KDN ini, warga KDN diharap dapat memahami berkaitan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewangan, seterusnya dapat menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah. Pematuhan terhadap Polisi ini akan menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah.

## 15. AKU JANJI POLISI ANTIRASUAH KDN

### **AKU JANJI POLISI ANTIRASUAH KDN**

Kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri:

1. Saya.....  
No. KP..... mengaku telah membaca Buku Polisi Antirasuah KDN dan memahami isi kandungannya.
2. Saya berjanji untuk tidak mengingkari Polisi Antirasuah KDN ini sepenuhnya pada setiap masa demi menjaga nama baik Kementerian dan Negara.
3. Saya menerima/akur jika saya mengingkari Polisi ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan Pegawai : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tempat Bertugas : .....

Tarikh : .....

Nota : Sila kembalikan satu salinan Surat Pengakuan ini kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri melalui Setiausaha Bahagian masing-masing untuk rekod.

## **16. RUJUKAN**

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
2. Kanun Keseksaan (Akta 574)
3. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
4. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
5. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan
6. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023
7. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
8. Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara – Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011
9. *Public Service Corruption Ranking (PSCR)*